

30/05/2003

Penjual upah kanak-kanak jual VCD lucah

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Penjual cakera padat video (VCD) dan cakera padat digital (DVD)

lucah mengupah kanak-kanak dan remaja bawah umur bagi mengelak mereka dikenakan tindakan sejak pihak berkuasa melipatgandakan operasi membanteras kegiatan itu.

Setakat ini, Unit Penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengesan

10 kes membabitkan penggunaan kanak-kanak dan remaja bawah umur dalam kegiatan jualan VCD lucah.

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian C (Unit Penguatkuasa) KDN, Alias Mamat, berkata penjual bahan lucah menggunakan kanak-kanak berikutan tindakan agresif pihak berkuasa memerangi kegiatan itu sejak akhir-akhir ini.

Katanya, mereka mengupah kanak-kanak dan remaja sebab golongan itu tidak boleh didakwa mengikut Seksyen 5(2) Akta Penapisan Filem 2002 kerana di bawah umur.

Beliau berkata, mengikut akta itu, orang dewasa yang ditahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Penjual mengupah kanak-kanak dan remaja dengan harapan mereka tidak dikenakan tindakan kerana aktiviti itu dilakukan orang lain," katanya pada sidang akhbar di KDN di sini, semalam.

Katanya, berdasarkan kes yang dikesan, kanak-kanak dan remaja umur yang diupah tidak lagi bersekolah dan mereka diawasi tauke yang mengupah mereka dari jauh.

Baru-baru ini, kerajaan mengarahkan pihak berkuasa terutama polis dan penguat kuasa kerajaan tempatan menggempur kegiatan pengedaran dan penjualan VCD dan DVD lucah serta bahan cetak rompak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu turut mengadakan perjumpaan dengan pihak berkuasa terbabit bagi membincangkan penyelarasan tindakan dalam memerangi bahan lucah.

Alias berkata, sepanjang operasi, pihaknya mendapati penjual terbabit tidak lagi menjadikan Lembah Klang sebagai lokasi penjualan, sebaliknya menumpukan kegiatan di bandar seperti Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, penjual juga didapati menjual kepada pelanggan tertentu dengan mengedarkan katalog VCD dan DVD lucah berbanding menjualnya secara terbuka di tepi jalan sebelum ini.

"Unit ini juga mengesan penjual mempamerkan kulit filem yang dibenarkan tetapi sebenarnya mengandungi VCD dan DVD lucah," katanya.

Selain VCD dan DVD lucah, Unit Penguat kuasa KDN memperhebatkan

pemeriksaan ke atas produk yang tiada Sijil B. Malah beberapa kes, ada penjual meletakkan Sijil B pada VCD dan DVD yang tidak diluluskan.

Mengikut Seksyen 18(5) Akta Penapisan Filem, mereka yang memiliki bahan

yang tiada Sijil B boleh didenda sehingga RM30,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Alias juga berkata, pembeli bahan lucah boleh dikenakan hukuman sama seperti penjual iaitu denda sehingga RM50,000 mengikut Seksyen 5(2) Akta Penapisan Filem.

"Kita berharap orang ramai tidak membeli bahan lucah," katanya.

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, Unit Penguatkuasa KDN merampas sebanyak 21,828 keping VCD dan DVD lucah pelbagai tajuk di seluruh negara.